

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengadakan :-

- (a) skim padi di Nanga Merit dan di Sungai Tunoh, Daerah Bukit Mabong, Bahagian Kapit; dan
- (b) di Tubau, Bahagian Bintulu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang perancangan pembangunan kawasan penanaman padi di Negeri Sarawak terletak di bawah autoriti Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa komited membantu Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengeluaran beras negara sehingga mencapai tahap sara diri sebanyak 75% seperti yang digariskan dalam cadangan Kertas Strategi RMKe-12 bagi industri padi.
2. Antara perancangan pembangunan kawasan penanaman padi oleh Kerajaan Negeri sama ada telah atau sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:
  - i) Nanga Merit, Kapit – kawasan skim padi di Nanga Merit seluas 159 hektar merupakan skim sedia ada yang telah dibangunkan dengan infrastruktur pengairan dan saliran peringkat primer serta sekunder oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (DID) Sarawak. Sehingga kini, penanaman padi dilakukan semusim setahun dan melibatkan kawasan seluas 112.5 hektar. Infrastruktur tersier juga akan dibangunkan untuk menggalakkan penanaman padi dua musim setahun;
  - ii) Sungai Tunoh, Kapit – kawasan ini berkeluasan 215 hektar telah dicadangkan dengan pembangunan kemudahan ladang, infrastruktur pengairan dan saliran bagi peringkat primer, sekunder serta tersier untuk tujuan penanaman padi dua musim setahun; dan
  - iii) Tubau, Bintulu – Kerajaan Negeri akan mengenalpasti beberapa kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan dengan skim padi di kawasan tersebut jika sesuai.

Sekian, terima kasih.